

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1993/94

Oktober/November 1993

PLG 428 - Masalah-Masalah dan Isu-Isu Pendidikan Semasa

Masa : [2 jam]

---

Jawab TIGA soalan sahaja. Jawab soalan BAHAGIAN A dan pilih DUA soalan daripada BAHAGIAN B.

BAHAGIAN A

1. Teori-teori yang berlainan memberi penerangan yang berbeza terhadap sesuatu fenomena sosial. Terangkan mengapa dasar "Penubuhan suatu sistem pendidikan kebangsaan yang menggunakan bahasa pengantar yang sama, kurikulum sekolah yang sama, dan mengadakan peperiksaan umum yang sama" dilaksanakan di negara kita berdasarkan kepada teori-teori berikut:-

- [i] Teori Sosialisasi
- [ii] Teori Pembiakan
- [iii] Teori Pengesahan

[40 markah]

BAHAGIAN B

Jawab DUA soalan daripada bahagian ini.

1. Dapatkah pendidikan swasta memainkan peranannya sejajar dengan hasrat pendidikan kebangsaan dan perpaduan negara? Bincang persoalan ini secara kritis dengan menyebut masalah-masalah dan isu-isu berkaitan.

[30 markah]

...2/-

- 2 -

2. Di antara 1957 - 1970 isu bahasa kebangsaan dan kedudukannya sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah telah menjadi "isu tunggal politik" di Malaysia (Haris, 1990).

Bincangkan pernyataan di atas dengan merujuk kepada masalah-masalah yang dihadapi dalam usaha hendak melaksanakan perakuan 12a Laporan Razak (1956).

[30 markah]

3. Tujuan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mewujudkan satu masyarakat penyayang di sekolah tidak dapat dicapai jikalau kurikulum pendidikan guru tidak menekankan aspek afektif dalam latihan. Bincangkan.

[30 markah]

- 00000000 -